

Latihan Penjodoh Bilangan

Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan penjodoh bilangan yang paling sesuai.

1. Khusyairi dan adiknya memelihara se _____ kucing Parsi yang comel dan manja.
2. Madiah menghadihkan se _____ bunga mawar untuk Mak Usu semasa majlis konvokesyen emak saudara kesayangannya itu.
3. Syafiq sedang menulis tiga _____ sajak di atas se _____ kertas.
4. Ayah Firdaus membina se _____ rumah banglo di atas se _____ tanah milik keluarganya.
5. Yusliza menghulurkan se _____ kad ucapan kepada sahabatnya .
6. Pak Hamid membeli se _____ majalah Dewan Pelajar untuk diberikan kepada anaknya.
7. Ayah membeli dua _____ papan untuk menggantikan lantai pondok yang telah reput.
8. Salman menolong atuknya membelah kayu api menggunakan se _____ kapak.
9. Imran membeli dua _____ baju kemeja untuk adiknya yang akan melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama.
10. Encik Kamal membeli beberapa _____ buah epal dan dua _____ anggur untuk anak-anaknya.
11. Pagi tadi Ramli hanya bersarapan se _____ roti sahaja kerana sudah terlewat untuk ke sekolah.
12. Ibu mengambil tiga _____ kek lalu disimpan di bawah tudung saji.
13. Suriati membeli se _____ kasut sukan untuk adiknya yang telah terpilih mewakili sekolah.
14. Adik menangis kerana telah memecahkan se _____ pinggan emak.
15. Ayah memegang se _____ kunci rumah banglo yang diterima daripada pihak pemaju perumahan.

